

# BAHASA ARAB SEBAGAI BAHASA PENGANTAR DALAM KURIKULUM BERSEPADU DINI (KBD)

**NUR AINI ARIFFIN & MASHITAH NORDIN**

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA, UiTM KAMPUS REMBAU



Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) merupakan kurikulum baharu yang dibina secara bersama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Lembaga Penasihat Penyelaras Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Jabatan/ Yayasan Agama berdasarkan Kurikulum Azhari yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama di Malaysia termasuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). KBD telah diiktiraf sebagai Kurikulum Kebangsaan pada tahun 2012 dan dilaksanakan di SABK secara berperingkat bermula daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 mulai tahun 2015.


KBD adalah penggabungan Kurikulum Azhari yang telah diselaraskan dengan Kurikulum Kebangsaan sedia ada dalam arus perdana, digubal bermatlamat untuk menyediakan murid-murid yang seimbang dan cemerlang berdasarkan naqli dan 'aqli bagi menyediakan bakal ulama dan agamawan muthaqqaqaf (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015). Pelaksanaan KBD mengekalkan mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dengan sedikit perubahan dari segi peruntukan waktu minimum seminggu dan penambahan mata pelajaran Dini dalam Kurikulum Kebangsaan. Senarai mata pelajaran Dini adalah seperti berikut (BPI KPM, 2015):

1. Usul al-Din: Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Tauhid, al-Tafsir, al-Hadis, al-Sirah wa Tarikh al-Islam dan al-Akhlaq wa al-Tasawwuf.
2. Al-Syariah: Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Quran wa al-Hifz, Fiqh al-Ibadat, Fiqh al-Munakahat, Fiqh al-Muamalat dan Fiqh al-Jinayah.
3. Al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah: Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Istima' wa al-Kalam, al-Qiraah, al-Kitabah, al-Mutalaah wa al-Ta'bhir dan al-Nahu wa al-Sarf.
4. Manahij al-Ulum al-Islamiyah: Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Mantiq dan Usul al-Fiqh.
5. Al-Adab wa al-Balaghah: Mata pelajaran ini merangkumi bidang al-Adab wa al-Nusus dan al-Balaghah.

Bahasa pengantar bagi mata pelajaran Dini ialah bahasa Arab (BPI KPM, 2015). Penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran mata pelajaran agama di sekolah dilihat mampu memberi kelebihan dan nilai tambah kepada murid dalam penguasaan bahasa.

KBD yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar memudahkan murid untuk mendapatkan pelbagai sumber rujukan dan mencari maklumat. Hal ini kerana murid dapat merujuk asas-asas ilmu pengetahuan dalam kitab-kitab muktabar yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Arab tanpa perlu bergantung kepada buku-buku terjemahan. Contohnya, kitab Nur al-Yaqin Fi Sirah Sayyid al-Mursalin karya Muhammad al-Khudary yang membicarakan secara khusus tentang riwayat hidup Rasulullah SAW dan kitab Syarah Ibn 'Aqil 'Ala Alfiyyah Ibn Malik tulisan Bahauddin 'Abdullah ibn 'Aqil yang membahas tentang rumus-rumus ilmu nahu dan sarf. Kitab-kitab Arab ini dapat dijadikan bahan rujukan tambahan kepada murid selain daripada buku teks sekali gus membantu meningkatkan prestasi dalam pelajaran.

Kesukaran menterjemah dan mencari perkataan yang sepadan dalam bahasa sasaran menjadikan pembelajaran yang berkaitan dengan agama adalah lebih sesuai jika menggunakan bahasa Arab. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak istilah daripada cabang-cabang ilmu agama seperti fiqh, hadis, tafsir, tauhid dan sebagainya yang sukar diterjemahkan dengan tepat dalam bahasa Melayu. Ruzi Jiaeri (2014), dalam tesis sarjananya yang bertajuk "استخدام المواد الدينية العربية لتنمية مهارات الطالب في مدرسة الإرشاد الإسلامية بسنغافورة" (The use of religious subjects to enhance the Arabic skills of students in Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah Singapore), telah membuat kajian hubung kait bahasa Arab dengan pengajaran mata pelajaran agama di Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah di Singapura. Madrasah ini telah mengambil pendekatan untuk memantapkan penguasaan mata pelajaran agama dan bahasa Arab murid dengan melibatkan penggunaan bahasa Arab dalam mata pelajaran agama. Daripada kajian itu didapati bahawa dengan melibatkan bahasa Arab dalam mata pelajaran agama, murid bukan sahaja mencapai kecekapan bahasa Arab pada tahap yang diharapkan malah mampu untuk memahami teks agama dan terminologi yang digunakan dalam mata pelajaran agama.




Melalui KBD, murid-murid akan mempelajari mata pelajaran agama dengan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan sekiranya terdapat murid yang berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), perkara ini secara tidak langsung akan dapat memudahkan lagi proses pembelajaran mereka di peringkat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana seperti sedia maklum, terdapat sepuluh mata pelajaran dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang perlu dipelajari dalam bahasa Arab iaitu Hifz al-Quran dan Tajwid, Fiqh, Tauhid dan Mantiq, Tafsir dan Ulumuhu, Hadith dan Mustolah, Nahu dan Sarf, Insya' dan Mutalaah, Adab dan Nusus, Arudth dan Qafiyah, dan Balaghah.

Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar mata pelajaran KBD dapat mengelakkan murid daripada mengalami kejutan semasa di peringkat awal STAM dan seterusnya memudahkan lagi mereka untuk memahami mata pelajaran kerana mereka sudah didedahkan dengan penggunaan bahasa Arab sepenuhnya semasa di peringkat SPM lagi.

Pengajaran mata pelajaran agama berasaskan bahasa Arab dalam KBD dapat membantu para pelajar yang menyambung pengajian ke peringkat universiti dalam bidang bahasa Arab atau bidang agama. Kelemahan dalam menguasai bahasa Arab dan keupayaan yang kurang dalam memahami bahasa Arab akan menjadi punca utama kemerosotan prestasi dan rendahnya kualiti pemahaman serta pengetahuan pelajar khasnya mereka yang mengambil kursus-kursus dalam pengajian Islam (Mualimin Mochammad Sahid & Amar Fettane, 2019). Menurut kajian yang dijalankan oleh Mualimin Mochammad Sahid et al. (2020), 69.5% responden yang terdiri daripada para pelajar Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengakui bahawa penggunaan bahasa asal, iaitu bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus Syariah dan pengajian Islam amatlah penting. Hal ini bagi memastikan kandungan dan isi subjek yang diajar tidak lari daripada kefahaman yang sebenar. Kaedah menterjemah ke dalam bahasa kedua, sama ada bahasa Melayu mahupun bahasa Arab dikhuatiri mengubah maksud sebenar dan tidak dapat mencapai kefahaman yang tepat. Justeru, penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pelaksanaan KBD merupakan langkah tepat yang dapat membantu para pelajar pengajian Islam di universiti pada masa akan datang.

Bagi melancarkan pelaksanaan KBD yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan bagi memastikan murid dapat menguasai mata pelajaran KBD tanpa kesukaran dan rasa beban, maka biah (persekitaran) bahasa Arab perlu dibina dan diwujudkan di sekolah. Bagi sekolah yang menggunakan KBD, pihak sekolah boleh menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa utama dalam perhimpunan harian dan mengadakan lebih banyak program yang melibatkan bahasa Arab agar dapat menarik minat murid-murid.



Selain itu ialah persekitaran bilik darjah. Persekitaran bilik darjah juga memainkan peranan yang sangat penting agar murid dapat menguasai bahasa Arab. Guru boleh mewujudkan persekitaran berkomunikasi bahasa Arab yang baik melalui aplikasi Lughat al-Fasl. Lughat al-Fasl ditakrifkan sebagai perkataan atau ungkapan mudah yang mengandungi arahan, soalan, peneguhan dan larangan dalam bahasa Arab yang selalu digunakan oleh guru sebagai bahasa perantaraan menyampaikan isi kandungan pelajaran ketika berinteraksi dengan murid dalam bilik darjah (Mohamad Ziyad Mukhtar & Saini Ag. Damit, 2017). Contoh Lughat al-Fasl yang boleh digunakan oleh guru dalam bilik darjah ialah **نَقْصُلْ بِالْجُلُوْسِ!** (sila duduk) dan **إِسْتَمْعُوا!** (sila dengar!). Amalan Lughat al-Fasl yang baik dan berkesan mampu menghasilkan senario pembelajaran yang menyeronokkan dan membantu murid menguasai mata pelajaran yang diajar menggunakan bahasa Arab dengan lebih baik.

Kesimpulannya, Pendidikan Islam dan bahasa Arab mempunyai hubungan yang sangat erat dan dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) telah banyak mengubah landskap Pendidikan Islam di Malaysia. Melalui pelaksanaan KBD ini, negara dapat menawarkan kepada warganegara yang memerlukan pendidikan aliran agama yang lebih berkualiti dan bersistematis kepada anak-anak mereka dan seterusnya mengukuhkan pendidikan agama dalam aliran perdana. Aspirasi penggubalan kurikulum ini yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar ternyata mendatangkan pelbagai kebaikan dan manfaat kepada murid sekolah. Oleh itu, semua pihak perlu memberi komitmen terbaik dalam merealisasikan hasrat pelaksanaan kurikulum ini di Malaysia.

**Rujukan:**

Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Maklumat asas pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini*.

Mohamad Ziyad Mukhtar & Saini Ag. Damit. (2017). Aplikasi Lughat al-Fasl dalam pengajaran Bahasa Arab. MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, 26, 153-183. <https://doi.org/10.51200/manu.v0i0>

Mualimin Mochammad Sahid & Amar Fettane. (2019). Kemahiran Bahasa Arab: Penanda aras agenda integrasi ilmu naqli dan aqli. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(29), 12-23.

Mualimin Mochammad Sahid, Baidar Mohammed Mohammed Hasan & Mohammad Najib Jaffar. (2020). Kepentingan pengajaran subjek Syariah dan pengajian Islam menggunakan bahasa Arab: Kajian persepsi pelajar Syariah dan Undang-undang, USIM. *Proceedings of the 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020 (3rd INPAC 2020)*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/16347>

جيري، روزي. (٢٠١٤م). استخدام المواد الدينية العربية لتنمية مهارات الطالب في مدرسة الإرشاد الإسلامية سنغافورة. رسالة ماجستير، جامعة مولانا مالك إبراهيم الإسلامية الحكومية مالانج.